

NG UNG BAH @ WANG AH REE v. THE EAST ASIATIC COMPANY (M) BHD
HIGH COURT, KUALA LUMPUR
NIK HASHIM
RAYUAN SIVIL NO R-3-12-328 OF 1996
30 JANUARY 1997

Counsel:

Maurice Ernest Scully (Boo Yeang Kiang & Partners) bagi pihak perayu.

Au Cheen Kuan (Arifin & Partners) bagi pihak responden.

PROSIDUR SIVIL:

- Rekod rayuan tidak mengandungi keputusan bermeterai - samada deraf keputusan suatu keputusan di bawah A.49 k.6(3)(d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980.
- Samada ketiadaan bantahan dari pihak responden terhadap kecacatan rekod rayuan mengikat Mahkamah daripada bertindak sendiri dan memutuskan kes menurut merit dan undang-undangnya.
- Permohonan untuk mengetepikan penghakiman ingkar di luar masa - samada Mahkamah boleh mendengarnya.

Kes-kes rujukan:

1. ;Hasil Bumi Permohonan Sdn. Bhd. & Ors. v. United Malayan Banking Corp. Bhd. (1994) 1 MLJ. 312.
2. ;Teoh Soon Kok T/A TSK Supplies Trading v. MBF Finance Berhad (1996) 2 CLJ. 130.
3. ;Mat Yassin Dollah v. Ibrahim Hussin & Anor. (1996) 4 CLJ.395.
4. ;Nyana Pandithan @ M.G. Pandithan v. Vettivello Kasinathan & Ors. (1997) 1 CLJ. Supp. 30.
5. ;Societie Banque v. Girdhari AIR 1940 P.C. 90.
6. ;Mersing Omnibus Co. Sdn. Bhd. v. Minister of Labour and Manpower & Anor. (1983) 2 MLJ. 54. [2]

Undang-undang rujukan:

Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980, A.29 k.14, A.49 k.6(3)(d).

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A.53 k.1A. [3]

DATO' NIK HASHIM BIN BIN NIK AB. RAHMAN, P.K.

Ini adalah suatu rayuan pihak Perayu/Defendan terhadap keputusan Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur pada 6 Disember 1996 yang telah menolak permohonan Perayu bertarikh 23 Ogos 1996 untuk ketepikan penghakiman ingkar yang diperolehi Responden/Plaintif terhadap Perayu bertarikh 1 Ogos 1995.

Tuntutan asal Plaintif/Responden terhadap Perayu ialah berbangkit daripada suatu kontrak gerenti yang mana pihak Plaintif menyatakan Perayu ialah salah seorang pengerenti dalam suatu kontrak gerenti bertarikh 5 November 1982. Baki tuntutan terlibat ialah RM146,124.99. Penghakiman ingkar telah dimasukkan terhadap Perayu pada 1 Ogos 1995. Pada 23 Ogos 1996 pihak Perayu telah memasukkan suatu permohonan untuk ketepikan penghakiman ingkar tersebut. Pada 6 Disember 1996 Mahkamah Sesyen, setelah mendengar hujah-hujah penguamcara-penguamcara kedua belah pihak dan membaca affidavit-afidavit di hadapannya, telah menolak [4] permohonan Perayu tersebut dengan kos.

Sebelum pendengaran rayuan bermula, peguamcara-peguamcara bagi pihak Perayu dan Responden telah menyatakan bahawa rekod rayuan di hadapan Mahkamah adalah teratur, dan pohon pendengaran rayuan diteruskan.

Apabila disemak, saya dapati rekod rayuan tidak mengandungi keputusan Mahkamah yang bermeterai. Apa yang ada di dalamnya (di mukasurat 14 rekod) ialah suatu keputusan yang belum diluluskan oleh Mahkamah. Pada hemat saya, keputusan yang belum diluluskan dan dimeterai oleh Mahkamah adalah bukan suatu keputusan yang dimaksudkan di bawah **A.49 k.6 (3)(d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 (KKMR)** untuk dimasukkan dalam rekod rayuan. Deraf keputusan sebagaimana dimasukkan di mukasurat 14 rekod adalah tidak mencukupi untuk mematuhi kehendak **A.49 k.6(3)(d) KKMR**.

Jadi, pada pandangan saya, rekod rayuan tanpa keputusan bermeterai adalah tidak sempurna dan kecacatan itu tidak boleh diubah. Sehingga kini, tidak ada usaha telah diambil oleh Perayu untuk [5] mengadakan keputusan bermeterai di hadapan Mahkamah. Sila lihat kes-kes berikut:

- (1) **Hasil Bumi Perumahan Sdn. Bhd. & Ors. v. United Malayan Banking Corp. Bhd. (1994) 1 MLJ. 312;**
- (2) **Teoh Soon Kok T/A TSK Supplies Trading v. MBF Finance Berhad (1996) 2 CLJ. 130;**
- (3) **Mat Yassin Dollah v. Ibrahim Hussin & Anor. (1996) 4 CLJ. 395;**
- (4) **Nyana Pandithan @ M.G. Pandithan v. Vettivello Kasinathan & Ors. (1997) 1 CLJ. Supp.30,**

bagi menyokong pendapat saya di atas. Pihak Responden tidak membantah terhadap kecacatan itu. Sekalipun tidak ada bantahan, Mahkamah berhak memutuskan kes itu menurut merit dan undang-undangnya yang sebenar (Sila lihat **Societie Banque v. Girdhari AIR 1940 P.C. 90**). Rekod rayuan tidak akan menjadi lengkap dan teratur dengan tidak adanya bantahan [6] daripada Responden terhadap kecacatan rekod. Mahkamah dengan sendirinya adalah berkewajipan untuk memastikan prosidur dan kaedah Mahkamah dipatuhi oleh litigan, dan sekiranya terdapat apa-apa kecacatan dalam prosiding itu, Mahkamah hendaklah bertindak dan memutuskannya dengan sewajarnya. **Mahkamah Persekutuan** yang dahulu dalam kes **Mersing Omnibus Co. Sdn. Bhd. v. Minister of Labour and Manpower & Anor. (1983) 2 MLJ.54** telah bertindak dengan sendirinya apabila memutuskan atas kecacatan yang terdapat dalam kes itu sebelum pendengaran kes itu walaupun kecacatan itu tidak dibangkitkan oleh mana-mana pihak. Dalam kes tersebut, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa kebenaran untuk mendapat perintah certiorari tidak sepatutnya dapat diberikan oleh Mahkamah Tinggi kepada Perayu kerana permohonan minta kebenaran telah dibuat di luar masa 6 minggu sebagaimana ditetapkan di bawah **A.53 k.1A Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980**, dan Mahkamah Persekutuan seterusnya menolak rayuan Perayu tanpa pendengaran.

Sepekara lagi yang saya dapati nyata terbukti dalam rekod rayuan ialah permohonan Perayu untuk mengetepikan penghakiman ingkar telah dibuat di luar [7] masa sebagaimana ditetapkan di bawah **A.29 k.14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980**, yang memperuntukkan:

"14. Jika dalam kaedah-kaedah ini peruntukan dibuat bagi mengetepikan atau mengubah mana-mana perintah atau penghakiman, maka pihak yang bercadang untuk mengetepikan atau mengubah perintah atau penghakiman itu mestilah membuat permohonannya kepada Mahkamah dan menyampaikannya kepada pihak yang telah memperolehi penghakiman itu dalam masa 30 hari selepas penerimaan perintah atau penghakiman itu."

Dalam kes ini, penghakiman ingkar telah diperintahkan pada 1 Ogos 1995 dan penyampaian perintah itu diakui terima oleh Perayu pada 17 Mei 1996, dan permohonan untuk mengetepikan penghakiman itu hanya dimasukkan pada 23 Ogos 1996, iaitu 3 bulan selepas tarikh penyampaian penghakiman ingkar. (Sila lihat Notis Permohonan di mukasurat 13 dan perenggan 10 affidavit jawapan 11 Au Cheen Kuan di mukasurat 35 & 36 [8] rekod). Jadi, nyata permohonan tersebut tidak difailkan dalam tempoh 30 hari yang ditetapkan. Tanpa kebenaran Mahkamah diperolehi terlebih dahulu, maka permohonan lewat itu tidak boleh didengarkan oleh Mahkamah.

Atas alasan-alasan tersebut, saya dapati rayuan tidak sempurna dibawa di hadapan saya dan oleh itu, saya batalkan rayuan itu dengan kos.

[1997] 1 LNS1 548[1997] MLJU 193

[Disclaimer](#) | [Privacy Policy](#) | [Terms of Trade](#) | [Terms & Conditions of Use](#) | [Licence Agreement](#) | [FAQ](#) | [Sitemap](#)

Copyright © 2024 CLJ Legal Network Sdn Bhd.
Email:support@cljlaw.com Tel: 603-4270 5400 Fax: 603-4270 5402